

10 AUG 1997

SHAHIDAN SARAN BERI BUKU SEBAGAI CENDERAMATA

KANGAR, 10 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim hari ini menyarankan kepada penganjur majlis yang ingin memberi cenderamata kepada ahli politik atau kakitangan awam supaya menghadiahkan buku atau bahan lain yang boleh menjadi sumber pengetahuan.

Cenderamata utama yang disediakan oleh penganjur sesuatu majlis akan disimpan di Muzium Negeri manakala yang berbentuk bahan bacaan akan diserahkan kepada Perpustakaan Awam Negeri, katanya kepada pemberita selepas majlis penambahan anggota Umno bahagian Padang Besar di Bukit Temiang dekat sini.

Sebelum ini kerajaan negeri pernah mengeluarkan arahan kepada penganjur majlis supaya menghentikan amalan memberi cenderamata tetapi nampaknya masih ada yang meneruskan amalan itu, katanya.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan semua ahli politik dan kakitangan awam mengisytiharkan kepada Perbendaharaan cenderamata berharga yang diterima mereka untuk mengelakkan disalah anggap sebagai rasuah.

Shahidan berkata selaras dengan arahan Perdana Menteri itu, semua ahli politik dan kakitangan awam di negeri ini hendaklah mengisytiharkan kepada kerajaan negeri cenderamata berharga yang diterima mereka.

Ketua Umno bahagian Padang Besar yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid menyatakan bahawa sebanyak 1,987 anggota baru parti itu didaftarkan pada majlis itu. -- BERNAMA

RIS NMO